

PROSIDING

Seminar **POLITIK MALAYSIA**

Penyunting

Worran Hj. Kabul
Shireen Haron
Mat Zin Mat Kib
Abdul Kadir Rosline

BAHAYA FITNAH DALAM PILIHAN RAYA: PENDEKATAN PSIKOLOGI AGAMA SEBAGAI SATU CADANGAN PENYELESAIAN¹

*Aini Faezah Ramli
S. Salahudin Suyurno
Nurul Himmah Kassan*

ABSTRAK

Fitnah amat dilarang dalam ajaran Islam. Fitnah mengakibatkan runtuhnya hubungan dan kasih sayang antara sesama manusia. Namun jika diamat-amati seolah-olah manusia telah lalu dan tidak ambil peduli dengan bahaya fitnah. Dalam konteks Malaysia, Pilihan raya Umum ke-12 telah melabuhkan tirainya, dan jika diamati kegiatan tuduh menuduh, jatuh menjatuh, hina menghina dan sebagainya semakin enak dilakukan sesedap rasa. Banyak persoalan timbul, di mana hilangnya jati diri?, Adakah pilihan raya membenarkan amalan fitnah dan sebagainya. Islam sebagai sebuah agama yang mengajar umatnya cintakan perpaduan dan perdamaian serta amat membenci sikap fitnah memfitnah telah menyediakan kaedah terbaik dalam meraih sokongan. Kertas kerja yang bersifat eksploratori ini akan cuba mengupas isu fitnah daripada perspektif Islam. Antara persoalan yang akan dikemukakan ialah apa definisi fitnah menurut pandangan agama?, mengapa fitnah amat dilarang dalam Islam dan bagaimana Islam melihat pilihan raya. Pendekatan psikologi agama dalam menangani masalah ini akan cuba diketengahkan. Baldatun Tayyyibatun Warabbul Ghafur yang menjadi dambaan umat Islam akan berjaya dilahirkan sekiranya para pemimpin, masyarakat dan semua pihak yang terlibat memahami bahaya amalan fitnah serta berusaha menjauhkan diri dari amalan keji ini.

PENGENALAN

Politik dianggap sebagai medan yang penuh dengan cabaran dan pergelutan yang boleh menimbulkan banyak masalah serta kemusnahan sekiranya etika dan nilai-nilai politik baik tidak dipatuhi dan dipertahankan (Abd Rahim Abd Rashid, 2001). Malah perkataan politik itu sendiri sudah menjadi bahasa internasional yang dikenali oleh hampir segenap manusia (H. Zainal Abidin Ahmad, 1977). Manakala pilihanraya seolah-olah menjadi medan pertempuran dan pertembungan antara individu, kelompok manusia dan parti politik. Gejala fitnah memfitnah, mengadu domba, tuduh menuduh seolah-olah dilakukan tanpa rasa sesal dan seolah-olah perkara tersebut boleh terpadam dari disenaraikan oleh para malaikat yang bertugas. Pilihanraya Umum ke 12 yang baru belangsung pada Mac 2008 yang lalu turut tidak sepi dari gejala tidak sihat ini. Perkara ini menjadi penting untuk difikirkan kerana politik Maalyisia terus dilihat sebagai *the art of possible* berdasarkan kedinamikan pemerintah dan kerencaman masyarakatnya (Sity Daud & Zarina Othman, 2005)

PANDANGAN ISLAM MENGENAI FITNAH

Menurut Kamus Besar Bahasa Melayu (2002) fitnah dapat disertikan sebagai tuduhan jahat yang diada-adakan atay yang dibuat-buat. Ia juga dapat diertikan sebagai umpatan, gunjing ataupun celaan dan pesona. Manakala memfitnah diertikan sebagai memburuk-burukkan orang lain di belakang.

Menyebarluaskan fitnah merupakan satu perbuatan yang ditegah dalam Islam. Ini kerana seseorang yang menyebarluaskan fitnah membawa perpecahan dalam masyarakat. Berita atau maklumat yang disampaikan kepada orang lain lebih membawa tuduhan dan dakwaan semata-mata kepada pihak-pihak tertentu. Orang-orang yang mengejek dan menganggap hina orang lain itulah orang yang sombong, dan itulah orang yang dibenci Allah (Sheikh Said' Hawwa, 2001) Abdullah Mohamad Zain (2005) dalam penulisannya yang bertajuk *Toleransi Kepimpinan Menurut Perspektif Islam* menjelaskan bahawa, apabila seseorang pemimpin tidak bersetuju dengan pendapat orang lain, maka hendaklah jangan sekali-kali kehilangan sifat toleransi. Sepatutnya perbezaan pendapat itu menjadi rahmat dan sumber pengayaan idea dan tidak mengakibatkan perpecahan dan berpuak-puak dalam masyarakat Islam. Perbezaan pendapat hendaklah jangan bertukar menjadi perbezaan isi hati dan melemahkan ukhwah Islamiah. Persoalannya di sini, sejauh mana kefahaman terhadap adab-bebrbeza pendapat diaplikasikan dalam realiti pemilihan pemimpin atau wakil?

Setiap pemimpin Islam yang terlibat dalam PRU 12 yang lalu sepatutnya menjaga persaudaraan Islam yang semakin lama kalau tidak dipupuk akan kehilangan keharmonian di antara mereka. Di pihak pemerintah dan pembangkang seolah-olah amat sukar untuk mencari titik pertemuan, apa yang benar yang dinyatakan oleh pihak yang berlainan parti akan dilihat salah dari parti yang lain. Suasana permusuhan itu dijadikan alasan oleh pemimpin-pemimpin yang beragama Islam untuk tidak mengamalkan adab-adab Islamiah lantas mengambil sikap yang bertentangan dengan Islam seperti umpat mengumpat, fitnah-memfitnah, tuduh-menuduh, tipu-menipu dan serangan terhadap peribadi. Jika dilihat dengan teliti masalah perbezaan pendapat di kalangan umat Islam sama ada diperingkat antarabangsa maupun nasional adalah suatu yang amat menyedihihkan kita semua sebagai umat Islam (Zainal Azam bin Abd. Rahman, 2002). Tambahan pula anjuran Islam agar manusia melakukan muhasabah diri adalah sebagai pengimbang yang amat berkesan dalam membuat koreksi dan mengkaji semula terhadap prestasi peribadi atau organisasi (Amin al-Jarumi, 2008). Jelas di sini menghindari fitnah amat dituntut dalam ajaran Islam.

ADAB PENGUCAPAN POLITIK MENURUT ISLAM

Sebelum sesuatu pilihanraya diadakan, lazimnya para calon yang bertanding sama ada dari parti pemerintah maupun dari parti pembangkang (Pakatan Rakyat) akan berkempeng untuk memancing undi dan meraih sokongan daripada penduduk-penduduk kawasan setempat. Di sesetengah tempat golongan atas pagar menjadi target ataupun sasaran. Selain daripada menemui orang ramai daripada rumah ke rumah, para calon akan mengadakan sesi ceramah atau pidato bagi memperkenalkan manifesto atau janji-janji yang akan dilaksanakan sekiranya mereka menang dan dipilih sebagai ahli perwakilan. Jika kita mengamati pengucapan politik pada hari ini, kebanyakan ceramah atau pidato pilihanraya agak sukar untuk dilebelkan sebagai seratus peratus mengikut peraturan Islam. Keadaan ini berlaku hampir setiap parti yang bertanding samada parti kerajaan atau parti pembangkang. Tidak dapat dinafikan bahawa pengucapan dalam politik menjadi sangat penting disebabkan oleh keperluan

kepada penerangan dan penyampaian maklumat. Walaupun terdapat kecanggihan teknologi komunikasi pada masa kini, pengucapan dan pidato di khalayak ramai masih lagi mendapat tempat utama untuk meneruskan tugas tersebut. Keadaan ini menjadikan mereka yang melibatkan diri dalam politik begitu ghairah untuk berucap dan berpidato sehingga melanggar adab dan etika pengucapan awam seperti menjatuhkan maruah seseorang, tuduh-menuduh, memaki-hamun dan sebagainya (Siti Rugayah Tibek. 2005. 183). Keadaan ini boleh mendorong kepada perpecahan dan berpuak-puak dalam masyarakat.

Para pengkaji dan penulis ilmu pidato menyarankan beberapa perkara penting yang perlu dititikberatkan oleh pemidato politik. Diantaranya ialah;

1. Kebebasan memberikan pendapat –sesuatu yang benar dan memberi faedah hendaklah dilahir tanpa memikirkan atau tunduk kepada tekanan lain
2. Berani dan berupaya mengawal emosinya dalam apa jua keadaan, khususnya dalam perkara yang kurang sesuai dengan pemikirannya. Ini akan menghasilkan suasana yang tenang dan dapat memperlihat kematangannya
3. Ikhlas dan cinta kepada negaranya, mengetepikan sifat ego dan mementingkan diri serta memihak kepada individu tertentu. Matlamat dan tujuannya adalah untuk maslahat umum
4. Mengelakkan diri daripada memberikan harapan yang keterlaluan dan sukar dipenuhi. Ia akan menghilangkan keyakinan para pengikutnya
5. Mempunyai maklumat yang mencukupi dengan undang-undang negara, hak-hak individu dan sivil. Pemidato perlu peka dengan perkembangan semasa dalam dan luar negara serta masalah material dan moral berkaitan dengan kehidupan ummah. Persediaan ini membolehkannya menyampaikan pidatonya dengan penuh yakin dan diterima oleh audiens
6. Mengkaji topik yang akan dibicarakan dengan mendalam dan dapat mengetengahkan sesuatu yang baru dan diterima oleh audiens. Kajian ini akan membantu pemidato menolak pandangan lawannya dengan hujah yang bernes dan jitu. Pemidato mungkin berhadapan dengan pendapat lawan yang tidak tergambar dalam pemikirannya dan menjadikanya tidak berupaya untuk menepis pandangan lawan walaupun dia berada di pihak yang benar
7. Sentiasa menjaga penampilannya walaupun di luar masa pengucapan
8. Sentiasa berusaha meningkatkan prestasi kemampuannya dalam pengucapan khususnya bahasa yang akan digunakan.

Menurut Siti Rugayah Tibek (2005) lagi, ucapan yang berkesan bergantung kepada keupayaan pengucap memindahkan sesuatu yang ada dalam pemikirannya kepada pemikiran para audiensnya. Audiens pula dapat menghayati dan meyakini apa yang mereka terima. Pengucapan yang berkesan berupaya menjadikan percakapannya mengawal pemikiran audiens. Di sini pendekatan psikologi yang berlandaskan agama jelas mendapat tempat dihati khalayak.

Perkara utama yang membentuk keindahan sesuatu pidato atau pengucapan politik adalah gaya bahasa penyampaian. Penyusunan ayat dan bahasa yang indah dapat menarik minat audiens untuk mendengar ucapan dengan lebih baik. Oleh itu pemilihan kata-kata yang tepat sangat penting. Islam sentiasa mengingatkan umatnya untuk memperbetulkan dan memperbaiki penyusunan kata agar ia memberikan hubungan baik dalam komunikasi. Firman Allah yang bermaksud:

“Katakalah kepada hamba-hambaku hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang lebih baik. Sesungguhnya syaitan itu menimbulkan perselisihan antara mereka. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi mereka” (al-Isra’:53)

“tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimat yang baik seperti pohon yang baik, akarnya teguh dan cabangnya menjulang ke langit” (Ibrahim: 24)

“Janganlah sebagian di antara engkau semua itu mengumpat sebagian yang lainnya. Sukakah seseorang di antara engkau semua makan daging saudaranya dalam keadaan ia sudah mati, maka tentu engkau semua membenci. Takutlah kepada Allah, sesungguhnya Allah adalah Maha Menerima taubat lagi Penyayang” (al-Hujurat:12)

Jelas tiga contoh maksud ayat al-Quran di atas menyeru agar manusia sentiasa menggunakan kata-kata yang baik. Kata-kata yang baik menggambarkan ketenangan dan keindahan orang yang mengucapkannya. Lebih-lebih lagi sekiranya pengucap tersebut merupakan pemimpin yang telah dipilih oleh orang ramai untuk menjalankan amanah terhadap negara. Oleh itu, keindahan ucapan mestilah dijaga agar tidak menyakiti mana-mana pihak sama ada kawan atau lawan. Terdapat beberapa perkara yang boleh dijadikan panduan untuk memperbaiki gaya ucapan yang mementingkan keindahan bahasa. Diantaranya adalah:

1. Huraian dan persembahan yang jelas iaitu tidak meleret-leret hingga sukar untuk
2. kepada penerangan yang panjang, jangan dicampuradukkan dengan perkara yang lain. Bahasa yang digunakan hendaklah sesuai mengikut kemampuan hadirin. Selalunya bahasa adalah mengikut tahap pendidikan. Walau bagaimanapun, keindahan susunan ayat bukan dilihat daripada penggunaan bahasa yang tinggi, tetapi gaya yang indah
3. Memilih perkataan yang manis pada pendengaran. Pemidato politik hendaklah meninggalkan dan menjauhi kata-kata yang kesat khususnya ketika menjelaskan kelemahan lawan. Contoh kata-kata yang perlu dielakkan seperti “haprak”, “bangang”, “buta”, “penyangak” dan gelaran peribadi yang kurang menyenangkan seperti “keling”, “kambing hitam” dan pelbagai gelaran lagi yang memang dilarang dalam Islam

PENDEKATAN PSIKOLOGI ISLAM DALAM PILIHANRAYA

Sewaktu kempeta pilihanraya diadakan, selain daripada pengucapan politik atau ceramah politik yang bertujuan untuk mendapatkan sokongan pengikut-pengikut, pendekatan psikologi juga dapat membantu dalam usaha mendapatkan kuasa dan pengaruh besar dalam masyarakat. Menurut Fariza

Md Sham (2005), orang yang memiliki kuasa adalah orang yang ada keupayaan mempengaruhi tingkah laku orang lain. Sesetengah orang memiliki daya pengaruh yang lebih besar daripada yang dimiliki oleh orang lain. Mereka juga dapat mempengaruhi orang yang diluar kawasan pengaruh mereka.

Dalam pengkajian bidang psikologi, manusia memang mudah dipengaruhi dari segi sikap dan pemikirannya. Salah satu cara untuk mempengaruhi manusia adalah berdasarkan sifat semula jadi psikologi manusia. Kaedah ini didapati memberi pengaruh dan meninggalkan kesan yang lebih besar. Sebagai contoh sewaktu kempen politik berlangsung, sikap, perasaan dan pemikiran masyarakat akan cuba dipengaruhi dengan pelbagai cara. Dalam kempen, seseorang dihakimi dari segi kewibawaan dan inteleknya. Kempen yang dijalankan banyak menggunakan pendekatan memujuk iaitu seorang calon akan bersyarah, berucap, berjalan, melawat atau menziarahi golongan kurang berasib baik, menemui dan mendengar masalah masyarakat. Ini semua teknik psikologi bagi memenangi hati masyarakat. Dalam kempen tersebut akan dibawakan isu yang menjadi perbualan dalam masyarakat dan isu popular yang boleh menarik perhatian masyarakat. Menurut Mohamad Hamdan Adnan (1995), isu ditakrifkan sebagai keadaan atau masalah semasa yang boleh berlaku pada bila-bila masa yang berkemungkinan besar menimbulkan perbincangan yang hangat, samaada untuk menyokong atau menolak. Misalnya isu kenaikan harga barang, masalah pembangunan, pendidikan, pembelaan sesebuah kaum dan sebagainya.

Sejarah telah membuktikan bahawa, kejatuhan beberapa orang pemimpin besar dunia adalah disebabkan sikap besar dunia adalah disebabkan sikap mereka yang tidak berhikmah terhadap rakyat dan masyarakat. Hikmah dalam politik sangat dialu-alukan oleh Islam seiring dengan penyebaran dakwah kepada masyarakat. Hikmah ini wajar digunakan bukan sekadar menghadapi pilihan raya malah dalam pilihan sesama anggota parti turut wajar diaplifikasi. Sejarah politik negara telah menempa sejarah besar terutamanya dalam dimensi politik Melayu 1980-1990 (Ahmad Atory Huussain, 1997).

Hikmah dari segi bahasa ialah sebagai al-hakim (orang yang mempunyai al-hikmah atau berhikmah), adil, berilmu, lemah-lembut, kenabian (mempunyai sifat amanah, benar, tabligh), al-itqan (melakukan sesuatu dengan tekun, cemerlang dan berkualiti). Dari segi istilah pula, al-hikmah ialah ilmu pengetahuan tentang agama Allah, memahaminya dan mengikutinya. Kesimpulannya, maksud *al-hikmah* ialah meletakkan sesuatu di tempat yang benar berdasarkan ilmu yang tepat, benar dan jitu melalui perbuatan, ucapan dan sikap terhadap setiap golongan manusia mengikut kedudukan mereka.

Berdasarkan maksud *hikmah* di atas, para pemimpin yang telah dipilih oleh masyarakat seharusnya menunjukkan sikap berhikmah dalam setiap perlakuan, ucapan dan tindakannya. Sebagai contoh, bagi mendapatkan sokongan ramai, pengamal politik seharusnya bertingkah laku berdasarkan akhlak Islam dan selaras dengan apa yang dikatakan. Tindakan yang boleh merosakkan sistem politik perlu dielakkan seperti rasuah, politik wang, khianat terhadap negara dan mengeluarkan kenyataan yang boleh memecah-belahan masyarakat. Apabila pengamal politik tidak berhikmah dalam tindakan dan tingkah laku mereka, ini bermakna, mereka telah melanggar ajaran Islam.

Kehadiran ini seharusnya dipertahankan lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan pihak pembangkang atau musuh politik. Pengamal politik sewajarnya amencontohi sikap para nabi dan sahabat ketika berhadapan dengan penentang dakwah. Mereka sentiasa berlemah-lembut, berilmu

dan berhemah. Rasulullah s.a.w juga sentiasa bersabar menghadapi kata-kata celaan, kejian, penghinaan, penganiayaan dan penyeksaan yang dilakukan oleh orang Quraisy kepada para sahabat dan pengikut yang beriman.

ISLAM DAN POLITIK

Sistem politik Islam dibina di atas asas ketiaatan kepada Allah, Rasul dan pemimpin. Ketiaatan kepada pemimpin adalah wajib selagi ia mengarah kepada kebaikan dan pemeliharaan maslahah serta kepentingan ummah. Ini menepati maksud hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Muslim yang bermaksud;

“Adalah wajib ke atas seorang Islam itu mendengar dan mentaati (pemerintah) terhadap perkara-perkara (iaitu arahan dan perintahnya) sama ada yang disukai ataupun yang dibencinya, selagi tidak diperintah melakukan maksiat. Apabila diperintah melakukan maksiat (ketika itu), tidaklah wajib baginya untuk mendengar dan mentatinya”

Berdasarkan hadis di atas, jelas menunjukkan bahawa seorang pemimpin yang harus dipatuhi perintahnya merupakan mereka yang patuh dan taat kepada Allah dan RasulNya serta mempunyai akhlak dan budi pekerti yang mulia sepertimana yang disarankan oleh Islam. Al-Farabi menerangkan sifat-sifat yang menampakkan keunggulan seseorang pemimpin itu meliputi kesempurnaan mental, fizikal dan spiritual (Idris Zakaria, 1986). Menurut Zainab Ismail (2005), dalam kertas kerjanya yang bertajuk *Keluhanan akhlak dalam Politik*, menjelaskan bahawa pada akhir abad ke 20 Masihi hingga kini, pelbagai gejala kemelesetan akhlak dalam politik telah berlaku. Antara contohnya ialah gejala politik kroni atau team dalam parti, politik wang, rasuah, penyelewengan dalam pentadbiran, skandal seks dan hasut menghasut hingga kepada isu kafir-mengkafir di kalangan beberapa orang tokoh pemimpin politik. Bersahabatlah dengan orang yang terpilih kerana dengan ini ia mampu mendidik akhlak (Amad Amin, 1983)

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, amalan fitnah sememangnya membawa kehancuran dan malapetaka kepada keharmonian umat Islam. Dalam konteks negara Malaysia sudah semestinya budaya atau perlakuan fitnah ini mesti ditangani hingga ke akar umbi agar umat Melayu Islam khususnya terus bersatu di atas nama kebenaran dan keadilan. Kembalilah kepada akidah Islam kerana akidah merupakan ruh sistem politik Islam yang telah ditegakkan oleh para Rasul a.s.(Abul Ala alMaududi, 1991). Harus difahami bahawa prinsip-prinsip politik Islam seperti musyawarah, keadilan, kebebasan, dan persamaan mestilah difahami dengan sebenar-benarnya (Mohamed S. El-Wa. 1984)

NOTA AKHIR

¹ Kertas Kerja untuk dibentangkan dalam Seminar Politik anjuran UiTM Sabah

RUJUKAN

- ✓ Abdullah Muhammad Zin, (2005) "Adab Mengendalikan Pendapat Menurut Islam" dalam Zulkiple Abd. Ghani dan Mohd. Syukri Yeoh Abdullah, (eds.), *Dakwah dan Etika Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd
- Abdul Monir Yaacob, Suzalie Mohamed, (2002). *Etika dan Budaya Berpolitik Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- Abul 'Ala Maududi, (1991). *Politik Alternatif. Suatu Perspektif Islam*. Jakarta: Gema Insan Press
- Abd Rahim Abd Rashid, (2001), *Perubahan Paradigma Nilai: Ke Arah Transformasi Sosial dan Pembentukan Malaysia Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Ahmad Atory Hussain, (1997). *Dimensi Politik Melayu 1980-1990. Antara Kepentingan dan Wawasan Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ahmad Amin, (1983). *Etika (Ilmu Akhlak)*. Jakarta: P.T. Bulan Bintang
- Amin al-Jarumi, (2008). *Bicara Addin*. Shah Alam: UPENA
- Fariza Md Sham, (2005). Hikmah dalam Berpolitik dan Pendekatan Psikologi. dalam Zulkiple Abd. Ghani dan Mohd. Syukri Yeoh Abdullah, (eds.), *Dakwah dan Etika Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd
- H. Zainal Abidin Ahmad, (1977). *Ilmu Politik Islam* (Jilid 1). Jakarta: Penerbit NV Bulan
- Idris Zakaria, (1986). *Teori Kenegaraan Al-Farabi*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Imam Nawawi, (1984). *Riyadhus Shalihin*. M. Abdai Rathomy (terj). Singapura. Pustaka Nasional Pte Ltd
- Mohd Hamdan Haji Adnan, (1995). *Pendapat Umum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohamed S. El-Wa, (1984). *Sistem Politik Dalam Pemerintahan Islam*. Anshori Thajib (terj). Johor Bahru. Penerbit Penamas Sdn. Bhd
- Muh. Alwy Al- Maliki, (2002). *Insan Kamil (Muhammad s.a.w)*. Kuala Lumpur : Penerbit Victory Agencie
- Siti Rugayah Tibek, (2005). Seni dan Teknik Pengucapan Politik dalam Zulkiple Abd. Ghani dan Mohd. Syukri Yeoh Abdullah, (eds.), *Dakwah dan Etika Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd
- Sity Daud, Zarina Othman, (2005). "Memikir Semula Persoalan Politik dan Keselamatan" dalam Sity Daud dan Zarina Othman (eds.). *Politik dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Syekh Sa'id Hawwa, (2001). *Orang-orang Yang Dibenci Allah*. Johor Bahru. Perniagaan JAHABERSA
- Zainal Azam Abd. Rahman, (2002), "Adab-Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam: Satu Panduan" dalam Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamed (eds.), *Etika dan Budaya Berpolitik dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM

Zainab Ismail, (2005), Keluhuran akhlak dalam Politik, dalam Zulkiple Abd. Ghani dan Mohd. Syukri Yeoh Abdullah, (eds.), *Dakwah dan Etika Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd

Zulkifle Abd Ghani, Mohd Syukri Yeoh Abdullah, (2005). *Dakwah dan Etika Politik Di Malaysia*. Utusan Publications & Distributors Sdn .Bhd. Kuala Lumpur